

SEKOLAH ZAKAT: MEKANISME MEMBANGUNKAN ASNAF FAKIR DAN MISKIN MENERUSI PENDIDIKAN DI NEGERI KEDAH

*Zakat School: Developing the Mechanism of Needy and Poor Through
Education in Kedah*

Zakaria Othman¹

Ridzuan Ahmad²

Mohd Norhaizzat Naim Mohd Mazlan^{3*}

^{1,2,3} Lembaga Zakat Negeri Kedah, Menara Zakat, Jalan Teluk Wan Jah, 05200 Alor Setar, Kedah

*Corresponding author (Email: naim.mazlan@zakatkedah.com)

Diterima: 3 Februari 2019, Diproses: 15 Februari 2019, Diterbitkan: 3 Mac 2019.

Abstrak: Empat bantuan asas yang menjadi keutamaan dalam membangunkan asnaf fakir dan miskin. Bantuan asas tersebut ialah makanan, tempat tinggal, kesihatan dan pendidikan yang sempurna. kertas kerja ini lebih tertumpu kepada pembangunan pendidikan asnaf. Pendidikan merupakan salah satu kaedah yang dapat mengubah kehidupan dan mengeluarkan golongan fakir dan miskin daripada kepompong kemiskinan. Lembaga Zakat Negeri Kedah (selepas ini disebut LZNK) tidak ketinggalan memainkan peranan dalam menyalurkan dana zakat dalam bentuk pendidikan kepada golongan asnaf di negeri Kedah dan memastikan asnaf yang layak mendapat peluang untuk belajar dan akhirnya berjaya sebagaimana mereka yang lain. Kertas kerja ini akan menjelaskan salah satu kerangka projek pembangunan golongan asnaf terutamanya asnaf fakir dan miskin iaitu Sekolah Zakat Kedah yang dikenali sebagai Maahad Dini Sultan Abdul Halim yang dikawalselia sepenuhnya di bawah Lembaga Zakat Negeri Kedah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kajian dokumentasi yang merujuk kepada rujukan data kemiskinan zakat kedah, manual dan laporan tahunan zakat. Hasil kajian ini mengfokuskan kepada usaha LZNK telah menetapkan kerangka halatuju pembangunan asnaf fakir dan miskin melalui pendidikan. Diharapkan kajian ini mampu memberi gambaran Sekolah Zakat Kedah dalam usaha membantu golongan asnaf mendapat peluang pendidikan seterusnya mengeluarkan mereka dari kepompong kemiskinan.

Kata Kunci: Sekolah Zakat, Pendidikan Asnaf, Fakir dan Miskin, Asnaf Fisabilillah, Lembaga Zakat Negeri Kedah.

Abstract: Four fundamental aids that are a priority in developing the needy and poor. The basic aids are food, shelter, health and quality education. This paper is more focused on the development of education. Education is one of the ways that can change lives and remove the needy and poor from poverty. The Kedah Zakat Board (LZNK) does not miss playing a role in channeling zakat funds in the form of education to the asnaf in the state of Kedah and ensuring that qualified asnaf get the opportunity to learn and eventually succeed as others do. This paper describes one of the frameworks of the development of the asnaf, especially the needy and poor,

the Zakat Kedah School, known as Maahad Dini Sultan Abdul Halim, which is fully regulated under the Kedah Zakat Board. This study uses a qualitative method which is a documentation study method that refers to the reference data of zakat poverty, manual and annual report of zakat. The findings of this study focus on LZNK's efforts to set the framework for development of needy and poor through education. It is hoped that this study will provide an overview of the Zakat Kedah School in an effort to help the asnaf get education opportunities and move them from poverty environment.

Keywords: Zakat School, Asnaf Education, Needy and Poor, Zakat Kedah Board.

PENDAHULUAN

Zakat berperanan besar dalam membangunkan pendidikan terutama kepada anak-anak golongan fakir dan miskin bagi membantu mereka mendapatkan pendidikan yang sempurna. Isu penyediaan dan peluang pendidikan yang adil terhadap kanak-kanak atau remaja terutama golongan anak-anak fakir dan miskin menjadi perhatian di Malaysia secara khususnya dan masyarakat dunia secara umumnya (Azman & Ainatul, 2015).

Sebagai sebuah negeri yang mempunyai 80% masyarakat muslim (78% etnik Melayu dan 2% lain-lain etnik) yang bertaraf warganegara (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017), zakat dilihat sebagai satu sumber kewangan yang mampu membangunkan masyarakat dalam meningkatkan peluang pendidikan kepada masyarakat muslim khususnya kepada golongan fakir dan miskin. Ia merupakan medium yang mampu menangani isu penyediaan dan peluang pendidikan sekaligus meningkatkan syiar syariat Islam (Norfariza Mohd Radzi et al., 2015). Bersesuaian dengan firman Allah SWT dalam Surah At-Taubah ayat 60 yang bermaksud :

“Sesungguhnya zakat-zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, amil zakat, yang dijinakkan hatinya (muallaf), untuk memerdekakan hamba sahaya, orang-orang yang berhutang, untuk yang berada di jalan Allah, dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai suatu ketetapan yang diwajibkan Allah; dan Allah Maha Mengetahui lagi Mahabijaksana.”

Kesemua golongan asnaf kecuali asnaf amil dan asnaf ar-riqab kebanyakannya terdiri daripada pelajar samada di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi. Golongan asnaf fakir dan miskin juga berhak mendapatkan peluang pendidikan walaupun mengalami masalah kewangan untuk membayar yuran pengajian. Terdapat banyak kes yang melibatkan golongan fakir dan miskin yang berhenti sekolah dan tidak dapat meneruskan persekolahan disebabkan oleh masalah kewangan (Azman & Ainatul, 2015).

SOROTAN KAJIAN

Menurut hasil kajian yang dilakukan oleh Yang Jiang, Mercedes Ekono & Curtis Skinner (2015), menemui sebanyak 48% kanak-kanak yang berada dibawah umur 18 adalah mereka yang tergolong dalam golongan keluarga yang berpendapatan rendah (kadar kemiskinan) di *United State*. Ini merupakan suatu kebimbangan dalam kalangan masyarakat di *United State* untuk membangunkan kelompok ini keluar dari kemiskinan.

Hal ini turut dinyatakan oleh Azman dan Siti Martiah (2014) dalam kajian yang melibatkan dana zakat dalam pendidikan asnaf, kebanyakan golongan asnaf terdiri dari kalangan pelajar kitaran umur 7 tahun hingga 18 tahun. Kenyataan ini disokong oleh Azman dan Ainatul (2015) dengan menyatakan bahawa terlalu banyak anak-anak asnaf yang terdiri dari kalangan umur 7 tahun hingga 18 tahun.

Zakat merupakan instrumen yang ditetapkan oleh Allah menjadi rukun Islam ketiga untuk menegakkan keadilan ekonomi dan sosial. Zakat memainkan peranan yang sangat penting dalam membantu golongan fakir dan miskin terutamanya untuk mengeluarkan mereka dari kepompong kemiskinan (Nurul Hidayah, S.Salahudin & Norajila, 2014). Bagi mencapai objektif zakat, institusi zakat negeri-negeri berperanan untuk menyediakan pelbagai mekanisme agihan zakat kepada asnaf yang terlibat khususnya asnaf fakir dan miskin untuk meningkatkan sosio-ekonomi ummah terutama untuk mengubah taraf hidup asnaf yang terlibat. Pelbagai cadangan dan saranan terhadap usaha membangunkan asnaf terutamanya dari segi pendidikan. Hal ini disokong oleh Mahyuddin (2012) yang menerangkan berkenaan dengan pengaplikasian konsep masalah dalam menentukan mekanisme pengagihan wang zakat. Menyediakan peluang pendidikan kepada asnaf merupakan langkah terbaik bagi membangunkan asnaf dan akhirnya mengeluarkan mereka dari kepompong kemiskinan.

Azman & Siti Martiah (2014) dalam kajiannya menyenaraikan bantuan-bantuan pendidikan mengikut negeri-negeri di Malaysia. Bermula dari bantuan yuran, peralatan pengajian sehingga bantuan wang saku sebagai galakan untuk terus belajar. Bantuan ini meliputi di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, Institut Pengajian Tinggi dalam negara dan luar negara.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menjalankan kajian dokumen yang menggunakan kaedah induktif dengan merujuk rujukan data kemiskinan zakat kedah, manual dan laporan tahunan zakat. Penyelidikan secara kualitatif ini adalah untuk meneroka bantuan pendidikan yang diberikan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah kepada golongan asnaf menerusi projek Sekolah Zakat Kedah yang diharapkan mampu mempertingkatkan taraf hidup mereka. Kaedah pengumpulan data dalam kajian ini ialah melalui kajian perpustakaan (*library research*). Data diperolehi menerusi rekod dan dokumen yang bertulis. Antara bahan rekod dan dokumen bertulis yang dijadikan rujukan ialah bahan bacaan yang berkaitan dengan zakat, kajian-kajian lalu, laporan tahunan zakat, buletin, data kemiskinan zakat Kedah dan sebagainya yang berkaitan.

DAPATAN MAKLUMAT KEMISKINAN

Kajian ini dimulakan dengan mengenal pasti kelompok anak-anak asnaf yang terdiri dalam lingkungan umur persekolahan. Mengikut data kemiskinan zakat Kedah, seramai 14,778 keluarga menerima bantuan bulanan bagi seluruh negeri Kedah. Manakala seramai 15,397 orang daripada 37,428 orang tanggungan yang berumur 7 tahun sehingga 18 tahun.

Jadual 1. Jumlah Tanggungan oleh Keluarga Asnaf dari Umur 7 Tahun Sehingga 18 Tahun

BANDAR	7-12 TAHUN	13-18 TAHUN
Baling	934	961
Bandar Baharu	200	245
Kota Setar	1804	1799
Kuala Muda	1316	1462
Kubang Pasu	568	468
Kulim	606	635
Langkawi	90	117
Padang Terap	373	415
Pendang	557	643
Pokok Sena	352	412
Sik	463	604
Yan	200	173
JUMLAH	7463	7934

Mengikut data tanggungan di atas menunjukkan sejumlah besar anak-anak asnaf di negeri Kedah yang masih berada dalam kemiskinan dan perlu diberikan perhatian dengan membantu memastikan mereka tidak terlepas dari mendapatkan pendidikan yang baik.

KERANGKA HALATUJU SEKOLAH ZAKAT KEDAH

Tumpuan utama LZNK adalah untuk memastikan keberkesanan agihan zakat melalui skim pendidikan. Pembasmian kemiskinan merupakan perkara yang perlu dititikberatkan supaya selari dengan matlamat zakat disyariatkan. Menurut Al-Qardawi di dalam bukunya “Bagaimana Cara Islam Menyelesaikan Masalah Kemiskinan”, zakat tidak berfungsi sebagai suntikan penenang yang boleh meringankan derita untuk beberapa saat tetapi sebagai ubat penyembuh yang boleh membasmi penyakit sehingga akar umbinya (Mohamed Izam, 2011).

Tahun 2018 merupakan langkah pertama LZNK merangka satu pendekatan yang berani apabila memperuntukkan suatu peruntukkan yang besar dalam membangunkan Sekolah Zakat Kedah. Penawaran sekolah zakat ini merupakan agenda besar membantu anak-anak asnaf, pengurusan sekolah dan membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat. LZNK menasarkan sebuah sekolah zakat di setiap daerah di negeri Kedah menjelang tahun 2022. Sasaran ini adalah dengan andaian dapat menampung sekurang-kurangnya seramai 6000 orang anak-anak asnaf yang layak di 12 daerah di negeri Kedah. Hal ini selari dengan isu keciciran dalam pendidikan yang seringkali dibincangkan dengan serius sejak tahun 1960an lagi. Menurut kajian, 40% pelajar sekolah di Malaysia mengalami keciciran pelajaran. 35% daripadanya adalah pelajar dari Tingkatan Satu sehingga Tingkatan Tiga (Murad Mohd Noor, 1973).

Berdasarkan Laporan Murad 1972 menyimpulkan bahawa anak-anak yang berasal daripada keluarga yang berpendapatan rendah sering tercicir dalam pelajaran kerana ketidakmampuan ibu bapa menyekolahkan mereka. Selain itu, taraf kelulusan ibu bapa yang rendah turut memberi pengaruh keatas kesedaran mereka terhadap kepentingan pendidikan dalam kalangan anak-anak (Zakiyyah Jamaluddin, 2011). Meskipun telah banyak peruntukkan kerajaan Malaysia untuk membangunkan pendidikan, namun golongan asnaf fakir dan miskin sering kali terpinggir dari mendapatkan perhatian untuk mengeluarkan mereka dari kepompong kemiskinan (Azman & Siti Martiah, 2014).

Selain daripada membantu anak-anak asnaf, sasaran membangunkan sekolah zakat adalah untuk menyelamatkan operasi sekolah daripada ditutup. Hal ini kerana, LZNK menawarkan kepada pengambilalihan pengurusan sekolah kepada sekolah-sekolah yang dilihat sukar beroperasi disebabkan oleh kekangan kewangan. Pengambilalihan pengurusan sekolah bermaksud LZNK membiaya sepenuhnya kos pengurusan guru, pengurusan sekolah dan kos yang melibatkan pelajar. LZNK sebagai tuan baharu dengan mengekalkan tuan tanah adalah milik kekal bawah Majlis Agama Negeri Kedah.

Menerusi wujudnya sekolah zakat di setiap daerah ini, dijangka mampu untuk membuka sekurang-kurangnya 600 peluang pekerjaan kepada masyarakat sekitar. Antara peluang pekerjaan yang wujud ialah guru, pengawal keselamatan, perusaha makanan di kantin, tukang keceriaan sekolah, pemandu kenderaan pelajar dan banyak lagi. Semua ini akan diperolehi oleh asnaf fakir dan miskin yang layak dan lulus pemilihan di peringkat LZNK.

SEKOLAH ZAKAT KEDAH

Sekolah Zakat Kedah dijenamakan sebagai Maahad Dini Sultan Abdul Halim. Sekarang telah beroperasi sepenuhnya di bangunan sekolahnya sendiri di Jalan Suka Menanti, Alor Setar. Sebelum LZNK mengambil alih pengurusan sekolah, Maahad Dini dibawah pengurusan Persatuan Pelajar Timur Tengah. Disebabkan oleh kekangan kewangan, LZNK menawarkan pengambilalihan pengurusan sekolah bagi menaiktaraf tahap pembelajaran yang lebih baik.

Lembaga Pengarah LZNK bersetuju untuk membiayai kos sebanyak RM11 juta bagi menyiapkan bangunan sekolah yang terbengkalai sekian lama di Suka Menanti. Dengan tambahan peruntukkan pertama untuk pengurusan sekolah sebanyak RM6.6 juta, Maahad Dini dapat beroperasi sepenuhnya dengan lancar bermula pada bulan Januari 2018.

Pengambilan pelajar sulung Maahad Dini dilakukan melalui kaedah saringan borang dan temuduga. Pelajar-pelajar yang berjaya mendaftarkan diri ke Maahad Dini merupakan pelajar dari kalangan anak-anak asnaf yang mempunyai keinginan tinggi untuk belajar disamping miliki pencapaian yang cemerlang. Pengambilan pertama ini, LZNK mengambil pendekatan untuk memilih anak-anak asnaf dari 12 daerah seluruh negeri Kedah. Seramai 60 orang anak-anak asnaf fakir dan miskin berjaya mendaftarkan diri ke Tingkatan Satu di Maahad Dini Sultan Abdul Halim. Maahad Dini Sultan Abdul Halim ke-2 iaitu cawangan Sik akan mula beroperasi pada Januari 2019. Pengambilan pelajar untuk cawangan Sik lebih tertumpu kepada daerah-daerah yang jauh dari cawangan Kota Setar iaitu daerah Sik, Baling dan Padang Terap.

CABARAN MEKANISME SEKOLAH ZAKAT

Terdapat beberapa cabaran dalam menjayakan projek Sekolah Zakat Kedah yang dihadapi oleh LZNK. Permasalahan yang dihadapi oleh pelajar dari golongan fakir dan miskin di negeri Kedah menunjukkan gaya hidup keluarga mempengaruhi keadaan pelajar untuk belajar. Hal ini juga dinyatakan oleh Abd Halim Tamuri et. al (2005) iaitu cara hidup mereka seperti menonton televisyen secara berlebihan, berbual kosong, memperuntukkan sedikit sahaja masa untuk mengulangkaji, menyiapkan kerja rumah, ataupun membaca bahan-bahan akademik, kerohanian dan pengetahuan am.

Antara cabaran yang dikenalpasti oleh LZNK dalam membangunkan sekolah zakat sebagaimana di bawah:

1. Wujud dikalangan anak-anak asnaf yang hanya mengharapkan bantuan kewangan semata-mata tanpa adanya usaha memajukan diri serta mengubah kehidupan keluarga.
2. Sebahagian ibu bapa tidak memberi penekanan terhadap anak-anak yang menerima bantuan pendidikan seperti galakkan kepada anak-anak untuk terus bersungguh-sungguh belajar. Malahan wujud ibu bapa yang tidak mengambil tahu langsung tentang prestasi dan pencapaian anak-anak mereka di sekolah.
3. Masih wujud kesulitan dalam penentuan fakir dan miskin. Meskipun menggunakan garis panduan kemiskinan (Had Kifayah), namun masih terdapat keraguan dalam penerimaan maklumat.
4. Terdapat asnaf yang tidak memanfaatkan bantuan yang diberikan sewajarnya dengan menggunakan bantuan seperti yuran dan peralatan sekolah untuk perkara yang tidak berfaedah.

KESIMPULAN

Agenda membantu golongan fakir dan miskin untuk membangunkan dan mengeluarkan mereka dari kepompong kemiskinan telah menjadi agenda nasional dan pihak kerajaan telah melakukan pelbagai program pembasmian kemiskinan. Terdapat program yang berjaya mencapai matlamat dan juga sebahagian program yang tidak berjaya disebabkan oleh cabaran-cabaran yang dihadapi agensi yang berkaitan samada dari segi permasalahan golongan sasaran mahupun keberkesanan program tersebut.

Salah satu daripada tiket penting dalam mengubah kehidupan golongan asnaf terutama asnaf fakir dan miskin adalah dengan menerima pendidikan yang baik. Menerusi projek Sekolah Zakat Kedah penyelidik mendapati pelajar dapat disuntik kesedaran dan semangat ingin berjaya setelah melihat asnaf fakir dan miskin yang lain berjaya mengeluarkan keluarga mereka dari belunggu kemiskinan dan kesukaran hidup.

Projek Sekolah Zakat Kedah ini seharusnya menjadi model dan mengubah mentaliti serta persepsi golongan fakir dan miskin untuk tidak terus mewarisi kehidupan dengan kemiskinan kepada generasi yang seterusnya.

RUJUKAN

- Azman & Ainatul Syafiqah (2015). Bantuan Zakat Untuk Pendidikan Kepada Asnaf : Kajian Di Negeri Sembilan. *Proceeding Of The International Conferent On Masjid, Zakat And Waqf (IMAF 2104)*. Shah Alam. Malaysia.
- Azman & Siti Martiah (2014). Zakat Pendidikan Kepada Golongan Asnaf Di Malaysia : Peranan Dan Cabaran Pada Masa Kini. *Proceeding Of The International Conferent On Masjid, Zakat And Waqf (IMAF 2104)*. Kuala Lumpur. Malaysia.
- Mahyuddin Bin Haji Abu Bakar (2012). *Hubungan Antara Agihan Zakat Dan Kualiti Hidup Asnaf Fakir Dan Miskin*. Sintok. Universiti Utara Malaysia.
- Mohamed Izam, M.Y. (2011). Dana Zakat : Instrumen Pembasmi Kemiskinan Asnaf. Dana Zakat : Wasilah Pembasmian Kemiskinan Asnaf. Kertas Kerja Dibentangkan Di *Persidangan Zakat Serantau 2011*. Legend Hotel. Malaysia.

- Murad Mohd Noor (1973). *Laporan Jawatankuasa Di Atas Kajian Pendapat Mengenai Pelajaran Dan Masyarakat (Laporan Keciciran)*. Kuala Lumpur. Kementaerian Pelajaran Dan Jabatan Perangkaan.
- Norfariza Mohd Radzi, Asmak Ab Rahman, Husaina Banu Kenayathulla & Abdul Muhsien Sulaiman (2015). *Zakat Dan Prinsip Ekuiti Dalam Pendidikan*. Kertas Kerja Ini Dibentangkan Di *Seminar Kebangsaan Zakat Peringkat Kebangsaan*. Universiti Malaya.
- Nuruul Hidayah Mansor, S.Salahudin & Norajila Che Man (2014). *Pemeriksaan Agihan Zakat Sebagai Medium Pembangunan Masyarakat Islam*. Kertas Kerja Ini Dibentangkan Di *Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014 : Da'wah & Ethnicity : Multidisciplinary Perspective*. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yang Jiang, Mercedes Ekono & Curtis Skinner (2015). *Basic Facts About Low-Income Children*. Columbia University.
- Zakiyah Jamaluddin (2011). *Kemiskinan Dan Keciciran Dalam Pendidikan*. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*. Vol 37.